

Berita Harian : 2 Oktober 2015

**Penulis ialah Dr. Muhammad Arif B. Mohd Hashim, Yang Dipertua
Gabungan Profesional dan Usahawan Bumiputera Anak Selangor (GIBS)**

BENTUK IDENTITI NASIONAL SEJAK DI SEKOLAH

Pendidikan satu aliran mampu satukan rakyat berbilang kaum

Cadangan bagi memansuhkan sekolah vernakular di negara ini tidak perlu dilihat sebagai satu ancaman kepada bahasa ibunda masing-masing. Sebaliknya ia perlu dilihat secara positif, langkah tersebut mampu merencana perpaduan dalam kalangan pelajar sejak kecil lagi. Pihak yang menentang salah faham dengan agenda sebenar langkah ini yang hanya bertujuan untuk menyatukan rakyat berbilang bangsa. Kerajaan perlu menyakinkan pihak-pihak yang berkenaan langkah ini tidak akan mengancam identiti, sebaliknya mengukuhkan keharmonian rakyat.

Ibu bapa juga perlu dijelaskan model pendidikan tersebut supaya penerimaan itu lebih meluas serta dapat memahami dengan lebih baik. Sistem pendidikan satu aliran membantu integrasi kaum seawal peringkat kanak-kanak, sekaligus mewujudkan masyarakat yang harmoni dan berdaya saing. Kita mahu perhubungan kaum ini berlaku tanpa paksaan. Sistem dicadangkan ini diharap menghasilkan hubungan kukuh diantara pelajar berbilang kaum. Ia asas perpaduan kaum yang jitu dan harmoni pada masa depan.

Jika sejak kanak-kanak lagi pendidikan berasingan, berdasarkan kaum dan bahasa, sampai bila pun wujud ruang perbezaan dalam masyarakat majmuk. Kita harus sedar bahawa pendidikan adalah asas kepada pembentukan generasi akan datang. Justeru, perjuangan bagi mewujudkan sekolah satu aliran wajar didilihat dan dinilai dalam kontek yang lebih luas dan rasional.

Contoh Perancis, Jepun

Kita harus memahami sekolah adalah institusi paling penting sekali dalam pembinaan kekuatan satu satu bangsa. Dengan sekolah satu aliran, penyampaian mesej perpaduan akan mudah dicapai kerana semua orang bercakap dan menulis dalam satu bahasa. Ia dapat direalisasikan melalui tugas guru di sekolah dalam membentuk kekuatan dan jati diri bangsa seseorang.

Secara perbandingan, Perancis, Jepun dan China antara negara begitu bangga dengan bahasa kebangsaan mereka. Ia menjadi prasyarat penting dalam urusan membabitkan kepentingan negara seperti perniagaan, perindustrian dan pendidikan sosial. Mereka juga tidak memandang rendah kepentingan bahasa lain, khasnya bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi penting dunia dan bahasa ilmu.

Cadangan semua sekolah pelbagai jenis diserapkan di bawah satu sistem pendidikan kebangsaan sebenarnya pernah diilhamkan oleh Allahyarham Tun Abdul

Razak Hussein, ketika itu Menteri Pelajaran yang diterjemahkan dalam Penyata Razak 1956 dan menyamai cadangan Jawatankuasa Barnes 1951. Ingin di tegaskan, sekolah satu aliran tidak bermaksud untuk meminggirkan bahasa lain.

Selepas 57 tahun kita merdeka, kini sudah sampai masanya semua pihak menerima kenyataan bahawa pendidikan satu aliran adalah jalan terbaik untuk menghapuskan polarisasi kaum dan pada masa yang sama mengukuhkan hubungan kepelbagaian kaum di negara ini. Ia juga sudah termaktub dalam Perkara 152, Perlembagaan Malaysia, yang memperuntukkan bahasa di Malaysia ialah bahasa Melayu.

Di negara jiran, Indonesia yang sejak dahulu lagi sudah melihat sekolah satu aliran rupa medium penting untuk penyatuan bangsa dan formula itu ternyata berjaya. Di sekolah satu aliran semua anak belajar membaca dan berkomunikasi dalam satu bahasa. Ia memudahkan penyatuan kaum tanpa ada perbezaan. Jika bertutur satu bahasa, semua orang akan memahami apa yang cuba disampaikan termasuk mesej perpaduan.

Perpaduan matlamat utama

Justeru, perpaduan adalah matlamat kerajaan yang memimpin masyarakat majmuk seperti di Malaysia. Islam mementingkan perpaduan, seperti Sabda Rasulullah SAW bermaksud: '*Janganlah kamu saling berdengki, menipu dan janganlah kamu berbelakang-belakangkan dan jangan sebahagian kamu menjual atas penjualan sebahagian daripada kamu danjadilah kamu hamba Allah yang bersaudara*'. (*Hadis Riwayat Imam Muslim*).

Bahasa Melayu perlu dijadikan bahasa pengantar utama dalam sistem satu aliran kerana ia Bahasa perpaduan di Malaysia. Disamping itu, Mandarin, Tamil didedahkan dan Arab yang merupakan bahasa Al-Quran mesti diajar. Rasa bangga bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan perlu ada dalam hati setiap rakyat. Satu daripada cara yang boleh digunakan adalah dengan menyokong usaha kearah itu, tidak kira sama ada dalam bidang perundangan, ekonomi, kesihatan, sejarah dan apa sahaja dalam kehidupan harian.

Kerajaan wajar membuat ketetapan bahawa bahasa Melayu harus menjadi bahasa pengantar utama termasuk di sekolah-sekolah Cina dan Tamil. Semua warganegara mesti sedar perpaduan dan identiti nasional bermula di sekolah. Penguasaan bahasa kebangsaan bukan sekadar untuk tujuan komunikasi tetapi juga tanda sayangnya mereka menikmati kehidupan di bumi Malaysia.

